

PENGGUNAAN PETA PEMIKIRAN DALAM PEMBELAJARAN CERPEN KOMSAS TINGKATAN LIMA

(The Use of Thinking Maps in Learning Form Five Short Stories)

MOHD ZIKRI IHSAN MOHAMAD ZABHI

SMK. Laki-laki Methodist
Kementerian Pendidikan Malaysia
zikriihsan@gmail.com

SHAMSUDIN OTHMAN

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
shamsudean66@gmail.com

ABDUL RASID JAMIAN

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
arasid@putra.upm.edu.my

AZHAR MD. SABIL

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
azhar.sabil@upm.edu.my

Dihantar pada:

15 Januari 2019

Diterima pada:

30 April 2019

Koresponden:

zikriihsan@gmail.com

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS tingkatan lima di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen, mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS, dan mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Kajian ini telah dilaksanakan kepada 118 orang murid tingkatan lima yang mempunyai pencapaian tahap sederhana. Data dikumpulkan daripada soal selidik yang diedarkan kepada semua murid di sekolah tempat kajian. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Statistik deskriptif seperti peratus, kekerapan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen semua adalah sederhana (purata skor min 3.195). Min keseluruhan bagi penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS adalah sederhana (min 3.17). Min keseluruhan bagi penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran juga adalah sederhana (min 3.28). Selain itu, hasil kajian mendapati murid mempunyai persepsi yang baik terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS, meningkatkan kefahaman terhadap teks KOMSAS, dan meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran.

Kata kunci: Peta pemikiran, pembelajaran, cerpen, KOMSAS, dan peningkatan kefahaman

ABSTRACT: This study aims to examine the use of thought map in the formulation of form five short essay at a national secondary school in Kuala Lumpur. The purpose of this study was to examine the perception of the students on the use of thought map in the short story learning, identify the use of thought map in improving student understanding of the KOMSAS text, and identify the use of thought map in increasing the mastery of KOMSAS element in learning. This study has been carried out to 118 form five students with moderate achievement. The data were collected from the questionnaire distributed to all students in the school where the study was conducted. Data collected were analyzed using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 17. Descriptive statistics such as percentage, frequency, mean, and standard deviation were used to answer the study questions. The findings show that students' perceptions on the use of thought map in all short-term learning are moderate (mean score mean 3.195). The overall min for the use of thought map in improving pupil's understanding of KOMSAS text is simple (mean 3.17). The overall min for the use of thought map can increase the mastery of KOMSAS element in learning also is simple (mean 3.28). In addition, the findings show that students have a good perception of the use of thinking maps in the learning of KOMSAS short stories, enhancing understanding of KOMSAS text, and increasing the control of KOMSAS elements in learning.

Keywords: Thinking map, learning, KOMSAS, short story and increase understanding

PENGENALAN

Sistem pendidikan negara telah mengalami transformasi melalui pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (kpm 2013) yang memberi penekanan kepada konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) atau *higher order thinking skills* (HOTS). Program *i-Think* diperkenalkan sebagai satu program bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan KBAT dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif. Program *i-Think* membawa maksud *innovative thinking* (pemikiran inovatif). Guru dan murid akan menggunakan alat berfikir, iaitu peta pemikiran di dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), di samping melaksanakan aktiviti KBAT. Untuk meningkatkan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya murid lebih berminat untuk belajar. A. Rahman et al. (2015), menyatakan bahawa guru lebih mementingkan untuk menghabiskan sukatan pelajaran berbanding menekankan kemahiran berfikir yang menggunakan peta pemikiran.

Program ini akan diperluaskan kepada 1,000 buah sekolah pada tahun 2013 dan seterusnya semua sekolah akan melaksanakan program ini sepenuhnya apabila bermulanya sesi persekolah baharu pada tahun 2014. Menurut Othman (2001), bagi mencapai keberkesanan maksimum dalam PdPc KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, haruslah wujud perancangan atau strategi yang mantap daripada guru, murid, dan teks yang dipilih. Oleh itu, pembelajaran KOMSAS memang memerlukan perancangan yang dirancang dengan teliti oleh guru agar murid dapat mempelajari, memahami dan menghayati kesemua tajuk yang terdapat dalam kandungan pelajaran. Justeru, penggunaan peta pemikiran merupakan satu usaha yang boleh membantu pihak sekolah dengan memupuk KBAT, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir dalam menyelesaikan masalah dan berupaya menghasilkan jalan penyelesaian secara kreatif dalam kalangan murid di sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan murid masih kurang menggunakan peta pemikiran sebaliknya menghafal dalam pembelajaran KOMSAS menyebabkan mereka sukar memahami genre KOMSAS yang diajarkan oleh guru. Murid tidak berupaya mengingat fakta berkaitan genre sastera yang dipelajari, khususnya apabila menjawab soalan pemahaman KOMSAS. Mereka lebih banyak menghafal tanpa memahami konsep secara lebih mendalam. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan Zamri dan Nur Aisyah (2011). Kajian mereka menunjukkan murid hanya belajar KOMSAS hanya untuk lulus dalam peperiksaan. Oleh itu, pendedahan penggunaan peta pemikiran sangat penting kepada murid dalam proses menyalin nota dan mengingat fakta yang dipelajari.

Murid didapati lemah berfikir dalam pembelajaran KOMSAS atas faktor luaran dan faktor dalaman (Anisah 2009). Hal ini berlaku kerana murid bersikap pasif dalam PdPc sastera, iaitu kurang memberi respons serta kurang aktif dalam aktiviti berkaitan KOMSAS. Malah, mereka tidak berminat dalam mempelajari sastera dan tidak suka membaca karya sastera. Pengamatan dari aspek media pengajaran, iaitu buku teks sebagai bahan sumber rujukan utama tidak mengembangkan keupayaan KBAT dan masih menggunakan kaedah tradisional. Tegasnya, penggunaan peta pemikiran dalam PdPc KOMSAS dapat memupuk minat murid membaca bahan sastera, selain memudahkan penghayatan dan pemahaman murid terhadap pelbagai genre dalam KOMSAS.

Murid sering menunjukkan tingkah laku negatif terhadap pengajaran KOMSAS dan beranggapan bahawa genre sastera sukar dipelajari. Namun demikian, peta pemikiran dapat membantu murid dalam mengorganisasikan pemikiran, membantu murid mengemukakan idea-idea bernas dan baHARu serta memudahkan pemahaman (Lee & Gan 2012). Oleh hal yang demikian, peta pemikiran sememangnya dapat menghasilkan perubahan tingkah laku positif yang memberangsangkan jika digunakan dalam PdPc KOMSAS.

Masalah guru kurang menerapkan KBAT di dalam bilik darjah khususnya dalam PdPc KOMSAS (Sharifah Nor 2012). Hal ini demikian kerana, guru perlu merangsang murid berfikir dalam pengajaran KOMSAS dengan menaplikasikan kemahiran berfikir menggunakan

alat berfikir, iaitu peta pemikiran. Menurut Sharifah Nor lagi, terdapat beberapa sebab kemahiran berfikir tidak ditekankan dalam pengajaran guru kerana mereka berpendapat bahawa murid perlu menguasai fakta dan konsep mata pelajaran sebelum digalakkan berfikir. Oleh itu, penerapan KBAT dapat membantu pengajaran guru dan pembelajaran murid yang lebih menyeronokkan serta mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Maimunah (2014) menyatakan bahawa perubahan daripada menggunakan kaedah konvensional kepada kaedah PdPc KBAT memerlukan komitmen yang tinggi atau cabaran yang besar kepada guru. Selaras dengan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru di Daerah Serian dan Daerah Tebedu kurang menggunakan peta pemikiran dalam PdPc Bahasa Melayu. Situasi ini disebabkan terdapat guru Bahasa Melayu yang tidak mahu menerima perubahan dalam kaedah pengajaran yang efektif serta berkesan. Lantaran itu, penerapan peta pemikiran dalam PdPc KOMSAS diabaikan yang menghalang peningkatan pencapaian murid dalam menjawab soalan pemahaman KOMSAS.

Guru-guru tidak mengajar murid untuk menguasai kemahiran mencari, memahami, menganalisis, dan menggunakan maklumat (Che Zanariah dan Fadzilah 2011). Siti Zabidah (2006) pula mendapati bahawa guru masih belum dapat menyebatkan kemahiran berfikir dalam proses PdPc. Hal ini menyebabkan pencapaian murid dalam Bahasa Melayu peperiksaan SPM di lokasi kajian semakin menurun dari segi gred purata mata pelajaran (GPMP) khususnya soalan pemahaman KOMSAS yang berunsur KBAT. Oleh itu, guru-guru dilokasi kajian perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran terutamanya dalam penggunaan peta pemikiran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen.
2. Mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS.

3. Mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif jenis tinjauan yang menggunakan analisis kuantitatif. Bersesuaian dengan pandangan Majid Konting (2005), menyatakan kajian deskriptif merupakan kajian yang menerangkan mengenai sesuatu keadaan itu berlaku. Kajian deskriptif digunakan bertujuan untuk mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan dengan ciri populasi dengan lebih tepat dan jelas. Majid Konting (2004) pula berpendapat bahawa reka bentuk deskriptif mempunyai matlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan set borang soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini untuk diedarkan kepada responden. Borang soal selidik menggunakan item yang diadaptasi dari beberapa pengkaji yang terdahulu dan berkaitan dengan tajuk penyelidikan, iaitu borang soal selidik yang diadaptasi dari penyelidik terdahulu, iaitu Zaharah dan Nurliah (2009), Wong Leng Sim dan Amir Hamzah (2012), serta Amanda (2012).

Populasi dan Sampel Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 118 orang murid lelaki yang mempunyai pencapaian tahap sederhana di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur sudah mencukupi bagi menjalankan kajian ini. Sebanyak empat buah kelas yang terlibat mempunyai tahap pencapaian sederhana dalam akademik dengan purata markah mendapat gred B-, C+, C, dan C- yang diambil berdasarkan sistem analisis peperiksaan sekolah (SAPS) serta kesemua responden akan diberikan borang soal selidik.

Kesahan, Kebolehpercayaan, Kajian Rintis

Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline 2005). Justeru, instrumen yang dibina telah diberikan

yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Pemilihan panel pakar terdiri daripada seorang pensyarah universiti dan dua orang guru bahasa Melayu sekolah menengah yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu lebih daripada 10 tahun. Selain itu, pakar juga perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan.

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi 2010). Hal ini bermakna seseorang individu itu akan mendapat skor yang sama daripada instrumen seandainya kebolehan individu itu adalah tekak atau trait yang hendak diukur itu tidak berubah walaupun diukur berkali-kali dengan instrumen yang sama. Untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen penilaian yang diperoleh berada pada tahap memuaskan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar. Tujuan menjalankan kedua-dua kajian ini adalah untuk melihat nilai min dan sisihan piawai yang diperoleh. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh daripada hasil kajian rintis dan kajian sebenar dianalisis dan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim 2007) bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan daripada instrumen yang dibina.

Analisis Data

Borang soal selidik dikumpul dan pengkaji menganalisis data tersebut dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Statistik deskriptif kuantitatif akan dilakukan untuk memperoleh data seperti sisihan piawai, peratusan, min, dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Mohd Majid (2004), menjelaskan analisis deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperoleh daripada pemprosesan data dan organisasi ini melibatkan proses penjadualan data atau maklumat. Hasil dapatan data diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan. Soal selidik ini dibentuk untuk mendapatkan maklum balas murid-murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS tingkatan lima.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mengenal Pasti Persepsi Murid terhadap Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pembelajaran Cerpen

Dapatan kajian bagi persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen mendapati item penggunaan peta pemikiran meningkatkan kefahaman, minat dan kreativiti murid dalam pembelajaran cerpen KOMSAS mempunyai skor yang tertinggi dengan min 3.41 dan $sp. = 0.670$ kerana penggunaan peta pemikiran bersesuaian dengan konsep pembelajaran yang boleh meningkatkan kefahaman terhadap teks cerpen, merangsang minat untuk terus belajar, dan mampu menyerlahkan lagi kreativiti murid sewaktu menghasilkan peta pemikiran. Skor min terendah diperoleh melalui item penggunaan peta pemikiran menggalakkan penglibatan murid dalam perbincangan dan aktiviti kumpulan min 3.08 dan $sp. = 0.797$. Hal ini demikian kerana, murid perlu lebih aktif dan melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan bagi menjayakan kaedah pembelajaran menggunakan peta pemikiran ini. Lantaran itu, kaedah yang terbaik perlu diambil oleh guru bagi menggalakkan penglibatan murid dalam pembelajaran menggunakan peta pemikiran agar pembelajaran cerpen dapat diterima secara keseluruhannya.

Menurut Zamri (2014), peta minda bermaksud isi, perkataan atau fakta utama yang ditulis dalam satu perkataan atau frasa ayat di dalam kotak-kotak yang dibina atau disediakan. Long et al. (2011) menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran membantu murid menjadi cemerlang di dalam bilik darjah dan juga mampu berfikir secara kritis dalam disiplin mata pelajaran. Penggunaan peta pemikiran akan mendorong murid melatih otak untuk berfikir secara aras tinggi bagi menghuraikan sesuatu makna atau istilah yang terdapat dalam KOMSAS. Dapatan kajian Muhamad Sidek (2012) menunjukkan bahawa amalan guru melalui penggunaan peta pemikiran kini telah merubah tingkah laku murid kepada lebih positif dan tekun. Penggunaan peta pemikiran sememangnya mengubah cara pembelajaran yang pasif kepada suasana pembelajaran yang aktif tetapi bermakna.

Secara keseluruhannya, penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS

memberikan persepsi yang baik kepada murid setelah digunakan di dalam bilik darjah. Oleh itu, pengkaji menyarankan agar guru-guru bahasa Melayu dapat mengaplikasikannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Jadual 1 membincangkan dapatan kajian terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS.

JADUAL 1: Analisis mengenal pasti persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Penggunaan peta pemikiran meningkatkan kefahaman, minat dan kreativiti saya dalam pembelajaran cerpen KOMSAS.	3.41	0.670
2	Penggunaan peta pemikiran menarik perhatian saya terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah.	3.09	0.627
3	Penggunaan peta pemikiran meningkatkan pemahaman serta pemikiran aras tinggi saya dalam pembelajaran KOMSAS.	3.13	0.780
4	Penggunaan peta pemikiran membantu saya menyusun maklumat dengan jelas dan teratur.	3.09	0.867
5	Penggunaan peta pemikiran menggalakkan penglibatan saya dalam perbincangan dan aktiviti kumpulan.	3.08	0.797
6	Penggunaan peta pemikiran menggalakkan saya berfikir dahulu sebelum menyusun maklumat dengan tepat dalam pembelajaran cerpen KOMSAS.	3.23	0.871
7	Penggunaan peta pemikiran meningkatkan daya ingatan saya terhadap pembelajaran cerpen KOMSAS.	3.25	0.742
8	Penggunaan peta pemikiran meningkatkan penguasaan pembelajaran cerpen KOMSAS dalam tempoh yang singkat.	3.28	0.794
Keseluruhan		25.56	6.148

Mengenal Pasti Penggunaan Peta Pemikiran dalam Meningkatkan Kefahaman Murid terhadap Teks KOMSAS

Jadual 2 bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS pula, penyelidik mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran membantu murid lebih banyak mengingat dan memahami tema, persoalan, watak, perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, nilai dan pengajaran cerpen yang dipelajari. Buktinya, skor yang diberikan adalah tinggi iaitu min 3.58 dan $sp. = 0.605$. Namun begitu, skor min terendah

ditunjukkan melalui item kaedah peta pemikiran adalah cara terbaik mempelajari KOMSAS yang baik, iaitu min 2.96 dan $sp = 0.831$. Hal ini berkemungkinan kerana, pengajaran guru yang tidak memberi penekanan terhadap penggunaan peta pemikiran di dalam bilik darjah.

Dapatan ini disokong dengan kajian Muhamad Sidek (2012) yang menjelaskan bahawa penggunaan peta pemikiran ini telah meningkatkan daya ingatan yang luar biasa berbanding cara pembelajaran yang lama. Dapatan kajian ini menjelaskan juga, penggunaan peta pemikiran merupakan kaedah belajar yang cekap kerana merangkumi kemahiran belajar dan membuat nota. Justeru, latihan yang diberikan oleh guru tidak akan mendatangkan sebarang masalah kepada murid kerana nota dalam bentuk peta pemikiran menjadi rujukan pada bila-bila masa sahaja.

Secara keseluruhannya, responden telah bersetuju bahawa penggunaan peta pemikiran membantu meningkatkan kefahaman terhadap teks KOMSAS. Peta pemikiran juga boleh digunakan untuk meningkatkan daya pembelajaran dan pemikiran yang membolehkan murid meninggikan pelaksanaan pertunjukan nilai kemanusiaan.

JADUAL 2. Analisis mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Peta pemikiran dapat membantu saya memahami perkara yang diajar oleh guru.	3.13	0.780
2	Peta pemikiran dapat membantu saya memahami semula dengan senang perkara yang diajar oleh guru.	3.16	0.739
3	Saya boleh faham semula semua perkara yang diajar oleh guru dengan lebih senang jika saya menggunakan peta pemikiran untuk membuat nota.	3.07	0.759
4	Peta pemikiran dapat membantu saya mengingat perkara yang diajar oleh guru.	3.21	0.825
5	Peta pemikiran membantu saya mengingat dan memahami dengan lebih mudah perkara yang diajar oleh guru.	3.10	0.890
6	Peta pemikiran dapat membantu saya mempelajari KOMSAS dengan baik.	3.22	0.878
7	Kaedah peta pemikiran adalah cara terbaik mempelajari KOMSAS yang baik.	2.96	0.831
8	Saya lebih banyak mengingat dan memahami tema, persoalan, watak, perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, nilai dan pengajaran cerpen yang dipelajari.	3.58	0.605
Keseluruhan		25.43	6.307

Mengenal Pasti Penggunaan Peta Pemikiran Dapat Meningkatkan Penguasaan Unsur KOMSAS dalam Pembelajaran

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian bagi aspek mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Penyelidik mendapati item yang mempunyai min tertinggi dalam analisis mempunyai nilai min 3.43, iaitu murid dapat menyatakan dan membandingkan perwatakan watak dalam cerpen melalui penggunaan peta pemikiran. Namun begitu, item yang mempunyai nilai min terendah pula ialah 3.11, iaitu murid memahami dengan jelas nilai murni yang terdapat dalam cerpen yang dipelajari. Perbezaan skor yang tidak begitu ketara ini mendorong penyelidik merumuskan bahawa, penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS dapat membantu murid meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran.

JADUAL 3. Analisis mengenal pasti penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya dapat mengenal pasti ciri-ciri cerpen melalui penggunaan peta pemikiran.	3.31	0.862
2	Saya dapat menyatakan semula sinopsis cerpen yang telah dipelajari menggunakan perkataan sendiri.	3.29	0.752
3	Saya dapat menyatakan dan menilai tema dan persoalan dalam cerpen melalui penggunaan peta pemikiran.	3.26	0.733
4	Saya dapat menyatakan dan membandingkan perwatakan watak dalam cerpen melalui penggunaan peta pemikiran.	3.43	0.790
5	Saya dapat menyatakan dan membezakan latar masa, latar tempat, dan masyarakat dalam cerpen melalui penggunaan peta pemikiran.	3.30	0.860
6	Saya dapat menyatakan dan menilai pengajaran dalam cerpen melalui penggunaan peta pemikiran.	3.22	0.898
7	Saya memahami dengan jelas nilai murni yang terdapat dalam cerpen yang dipelajari.	3.11	0.825
8	Saya kini menguasai pembelajaran KOMSAS menggunakan peta pemikiran.	3.36	0.832
Keseluruhan		26.28	6.552

Oleh itu, skor terendah ini membuktikan hanya segelintir murid sahaja yang kurang menerima kaedah pembelajaran jenis ini. Kenyataan ini disokong dengan kajian lalu oleh Azizah (2000),

tentang penggunaan peta konsep dapat memudahkan pemikiran murid, membantu mengukuhkan daya ingatan, dan mengingati fakta-fakta penting yang kemudiannya boleh dihuraikan dengan baik. Secara keseluruhan, pengkaji mendapati masalah tersebut boleh diatasi dengan menggunakan teknik, kaedah dan strategi pembelajaran yang bijak oleh guru Bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Proses pembelajaran KOMSAS akan menjadi lebih menarik jika peta pemikiran digunakan secara kreatif dan boleh merangsang murid untuk berfikir secara aras tinggi seterusnya mencapai matlamat akhir iaitu menguasai unsur kajian KOMSAS.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS tingkatan lima. Analisis mendapati secara keseluruhannya, murid-murid menerima dengan baik penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS. Sebagai bukti, murid yang menjadi sampel dalam kajian ini telah menunjukkan reaksi positif dengan dapatan kajian yang diperolehi dengan keseluruhan skor min 25.56 dan sp. = 6.148 dalam item-item satu sehingga lapan. Hal ini menunjukkan bahawa, penggunaan peta *i-Think* dalam pembelajaran cerpen KOMSAS memberikan persepsi yang baik kepada murid setelah digunakan di dalam bilik darjah. Oleh itu, pengkaji menyarankan agar guru-guru bahasa Melayu dapat mengaplikasikannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kenyataan ini selari dengan dapatan yang diprolehi Anita (2009) yang menyatakan bahawa sikap dan pencapaian murid dapat ditingkatkan dengan mengubah cara pembelajaran yang biasa digunakan oleh murid. Hal ini turut disokong oleh pernyataan Wahidin (2004) dan Zamri (2015), iaitu strategi pengajaran didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS. Keseluruhan min ialah 25.43 dan sp. = 6.307. Hal ini menunjukkan sampel kajian

bersetuju bahawa mereka menggunakan peta pemikiran dalam meningkatkan kefahaman terhadap teks KOMSAS. Hal ini dikatakan demikian kerana, responden telah bersetuju bahawa penggunaan peta pemikiran membantu meningkatkan kefahaman terhadap teks KOMSAS. Peta pemikiran juga boleh digunakan untuk meningkatkan daya pembelajaran dan pemikiran yang membolehkan murid meninggikan pelaksanaan pertunjukan nilai kemanusiaan. Hal yang sama juga ditekankan dalam dapatan kajian Wok Yiik Ping (2006), mendapati bahawa minat murid menjadi luntur akibat kelemahan mereka mencari fakta-fakta dan huraian dalam buku teks.

Kegagalan murid dalam mencari fakta-fakta penting akan menyebabkan fokus pembelajaran murid hilang dan turut mempengaruhi minat murid dalam pembelajaran. Kajian Noraizan (2008) menyatakan bahawa kandungan buku teks membosankan murid akibat kandungan buku teks yang lebih menekankan teks berunsur naratif. Kajian yang dilakukan oleh Siti Halijah (2016) membuktikan bahawa penggunaan peta konsep memberi sumbangan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam KOMSAS. Oleh itu, dengan wujudnya peta pemikiran sebagai alat pembelajaran dapat membantu murid agar lebih mudah menguasai konsep dan fakta dalam pembelajaran terutamanya meningkatkan kefahaman murid terhadap teks KOMSAS.

Seterusnya didapati sejauh mana penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Min keseluruhan ialah 26.28 dan sp. 6.552. Dapatan ini menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan peta pemikiran dapat meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Proses pembelajaran KOMSAS akan menjadi lebih menarik jika peta pemikiran digunakan secara kreatif dan boleh merangsang murid untuk berfikir secara aras tinggi seterusnya mencapai matlamat akhir iaitu menguasai unsur kajian KOMSAS. Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu disarankan menggunakan peta pemikiran sebagai alternatif pengajarannya. Guru-guru harus merancang secara sistematik supaya penggunaan peta pemikiran dapat disesuaikan dengan konsep dalam pembelajaran KOMSAS dan disesuaikan juga dengan tajuk-tajuk dalam PdPc Bahasa Melayu.

Hal ini selari dengan dapatan kajian Rohaidah dan Zamri (2015) membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran sebagai satu cara atau kaedah baharu yang dapat merangsang murid-murid berfikir aras tinggi seterusnya menjadikan PdPc Bahasa Melayu lebih menarik. Bagi seorang murid yang ingin berjaya dalam pembelajaran, penggunaan peta pemikiran menjadi satu lagi cara belajar yang berkesan kerana mereka perlu memetakan pemikiran dan pengetahuan ke dalam sesuatu bentuk peta pemikiran. Oleh itu, keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam PdPc KOMSAS dapat meningkatkan martabat mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri dan seterusnya membantu meningkatkan prestasi pembelajaran murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu disarankan menggunakan peta pemikiran sebagai alternatif pengajarannya. Guru-guru harus merancang secara sistematik supaya penggunaan peta pemikiran dapat disesuaikan dengan konsep dalam pembelajaran KOMSAS dan disesuaikan juga dengan tajuk-tajuk dalam PdPc Bahasa Melayu. Selain itu, peta pemikiran juga boleh dijadikan sebagai alat untuk menilai tahap kefahaman murid di dalam pentaksiran bilik darjah (PBD) berdasarkan isi kandungan yang telah disampaikan oleh guru. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan peta pemikiran membolehkan guru membantu murid untuk mengaitkan sesuatu peristiwa semasa proses PdPc sedang berlangsung di dalam bilik darjah.

Bagi seorang murid yang ingin berjaya dalam pembelajaran pula, penggunaan peta pemikiran menjadi satu lagi cara belajar yang berkesan kerana mereka perlu memetakan pemikiran dan pengetahuan ke dalam sesuatu bentuk peta pemikiran. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui proses pembelajaran menggunakan peta pemikiran boleh merangsang daya fikir bagi menyusun maklumat pelajaran menggunakan gambar rajah yang dibuat. Oleh itu, keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran KOMSAS dapat meningkatkan martabat mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri dan seterusnya membantu meningkatkan pembelajaran murid.

KESIMPULAN

Secara umum, kajian ini telah mengenal pasti tahap persepsi, sikap dan pengetahuan murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS untuk murid tingkatan 5. Program *i-Think* yang diperkenalkan di sekolah-sekolah adalah salah satu usaha untuk membudayakan KBAT dengan menggunakan alat berfikir, iaitu peta pemikiran yang dapat meningkatkan aras pemikiran murid. Dapatan kajian ini jelas mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran dalam PdPc KOMSAS berupaya meningkatkan kefahaman, penghayatan, daya ingatan dan juga minat murid dalam pembelajaran cerpen KOMSAS. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh juga, kajian ini turut mengusulkan beberapa cadangan yang boleh diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan dan kajian-kajian lanjutan pada masa akan datang dengan harapan dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Secara keseluruhannya, diharapkan kajian ini dapat membantu perancang kurikulum, guru-guru dan pihak lain yang berkaitan.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam sajak didik dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 53-60.
- Anita Hassan. (2009). Kesan pembelajaran koperatif sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Abdullah. (2000). Keberkesanan penggunaan peta konsep dalam mata pelajaran Sains tingkatan 1. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Zahariah Che Hassan & Fazilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 67-87.
- Long, D., Xavier, S.F. & Carlson, D.. (2011). *Mind the map: How thinking maps affect student achievement*. Arizona State University. Tucson, Arizona, United States.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kline, T. (2005). *Psychological testing: A practical approach to design and evaluation*. California: Sage Publication.
- Lee Hou Yew & Gan We Ling (2012). Penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja dibentangkan di Konvokesyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2012, Bukit Gambang Resort, Oktober 2012.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Sidek Said & Ahamad Rahim. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran melalui Program *i-Think*. Kertas kerja dibentangkan di *International Convention In Teacher Learning & Development*. Anjuran IPGM Kementerian Pendidikan Malaysia di Pearl International Hotel, Kuala Lumpur pada 19-21 November 2012.
- Muhamad Sidek Said & Ahamad Rahim. (2012). Transformasi pengajaran dan pembelajaran inovatif melalui "*thinking maps*". Kertas kerja di Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa Malaysia-Indonesia (Malindo), IPGKIK, Kuala Lumpur pada 4-6 Oktober 2012.
- Nik Nur Fariah Nik Harimi & Zamri Mahamod. (2013). Keberkesanan kaedah peta pemikiran (*i-Think*) terhadap pencapaian, sikap, kesediaan dan penerimaan murid tingkatan empat. *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua 2013*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Fatimah. (2007). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam menguasai Subtopik Mitosis dan Meiosis bagi subjek Biologi di kalangan pelajar tingkatan empat sains. Kajian Ilmiah Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Puteh. (2001). Strategi pengajaran bahasa sastera dalam Bahasa Melayu. *Dewan Siswa*, 3: 20-21.

- Rohaidah Yusop & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan peta pemikiran *i-think* dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 31-37.
- Sharifah Nor Puteh. (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (9): 19-31.
- Siti Halijah Laungeng. (2016). Strategi Peta konsep dan strategi tradisional terhadap pencapaian KOMSAS dalam Bahasa Melayu pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 30-37.
- Sylvester, R. (1985). Research on memory: Major discoveries, major educational challenges. *Educational Leadership*, 42: 69-75.
- Wahidin. (2004). Peta Konsep, peta vee, dan kemahiran berfikir dalam pengajaran kimia. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan dan Bahasa Universiti Malaya.
- Wok Yiik Ping. (2006). Persepsi pelajar sekolah menengah atas dalam penghasilan fakta sejarah di sebuah sekolah luar bandar Sarikei. Kertas kerja di Seminar Penyelidikan Kebangsaan Pendidikan 2006. Anjuran IPG Kampus Rajang, Sarawak.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor. 2011. Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3): 163-177.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi pembelajaran: Inventori strategi pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.